

KAJIAN PEMBANGUNAN FIZIKAL SUSUNATUR PERUMAHAN MASA KNI

DALAM MEWUJUDKAN INTERAKSI SOSIAL

Kajian Kes: Taman Universiti, Skudai

ASMAHAN BINTI MOKTI

Laporan Projek Sarjana Muda ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian

daripada syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

## ABSTRAK

Pembangunan perumahan merupakan penyumbang kepada pembinaan komuniti bagi mengurangkan konflik sosial, menggalakkan keharmonian antara kaum dan memperkukuhkan semangat kejiranan. Oleh itu, pembangunan fizikal susunatur perumahan yang berkualiti menjadi faktor utama bagi menggalakkan interaksi sosial dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup masyarakat. Hubungan interaksi sosial dalam kawasan perumahan adalah penting bagi memastikan kewujudan semangat bekerjasama, tolong-menolong, toleransi, menjamin keselamatan dan keharmonian rakyat. Oleh itu, kajian 'Pembangunan Fizikal Susunatur Perumahan Masa Kini Dalam Mewujudkan Interaksi Sosial' akan memfokuskan kepada pembangunan fizikal perumahan dalam mewujudkan interaksi sosial di kalangan masyarakat. Terdapat tiga aspek pembangunan fizikal yang diberi tumpuan dalam kajian ini iaitu kemudahan awam, laluan pejalan kaki dan susunatur perumahan. Elemen kemudahan sosial merupakan medium penting untuk kegunaan bersama dalam komuniti kawasan perumahan seperti kemudahan orang ramai berkumpul, kemudahan keagamaan, kemudahan riadah dan rekreasi. Sistem laluan pejalan kaki yang selamat dan mudah diperlukan dalam kawasan kediaman untuk menghubungkan antara kelompok kediaman dengan kelompok kediaman yang lain, menghubungkan dengan pusat kemudahan awam dan tumpuan utama, dan menghubungkan dengan kawasan rekreasi dan riadah. Di Malaysia, kebanyakan pembangunan perumahan mengaplikasikan susunatur jenis *grid iron* untuk memaksimumkan penggunaan tanah dan keuntungan. Rumah-rumah disusun secara berderet mengurangkan berlakunya interaksi sosial di kalangan penduduk. Kajian ini menggunakan kaedah deskriptif statistik dan korelasi dalam menganalisis hasil kajian. Secara keseluruhannya, daripada analisis yang dilakukan mendapati bahawa interaksi sosial berlaku dalam kawasan kajian. Dimana perhubungan antara masyarakat adalah pada tahap memuaskan. Seterusnya, penemuan kajian diperolehi daripada soal selidik yang akhirnya menjurus kepada pembentukan cadangan am untuk memperbaiki pembangunan fizikal kawasan perumahan yang lebih mementingkan aspek pembinaan komuniti bagi mewujudkan interaksi sosial.

## **ABSTRACT**

Housing development is the main contributor to the community in order to reduce social conflict, build up harmonies among race and strengthens neighbourhood spirit. Therefore, high quality of housing is a key factor of promoting social interaction and improves quality of life. Social interaction among community in housing area is important for developing high cooperation, mutual help, tolerance, safety and harmony among residents. Thus, this study will focus on the physical development of housing area to established social interaction in the community. There are three aspects of physical development is focusing on consist of public amenities, pedestrian walkways and layout of housing. Elements of social amenities is important medium to be use by community such as facilities for gathering people, religious, leisure and recreational. A safe pedestrian walkways system is required in the housing area to link home with others, connect other major utilities and the important part is to connect home with recreation and leisure spot. In Malaysia, most of the housing development applied grid iron layout to maximize the use of land and profits which causes the reduction of social interaction among residents. The method of this study is using descriptive statistics and correlation methods in analyzing the results of the study. From the analysis, it is proved that social interactions occur within the study area. The relationships between people are at a satisfactory level. The findings were derived from questionnaires that eventually lead to the formation of general recommendations. Overall, the recommendation is aimed to improve the physical development of housing that emphasizes community building aspects of creating a social interaction.